

27 FEB 1997

LANCARKAN KEMPEN CELIK KOMPUTER: KIT SIANG

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Malaysia perlu melancarkan kempen celik komputer ke seluruh negara untuk meletakkan negara ini antara 10 negara di dunia yang mempunyai kadar celik komputer paling tinggi menjelang tahun 2005.

Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang berkata langkah itu selaras dengan matlamat pewujudan Koridor Raya Multimedia (MSC) supaya celik komputer bukan sahaja wujud di tempat kerja tetapi meliputi rumah-rumah dan masyarakat umum.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melahirkan rasa tidak puas hati mengenai tahap penggunaan komputer di Malaysia, tetapi apabila dibandingkan dengan negara-negara membangun lain, Malaysia adalah "lebih maju".

"Jika Malaysia serius mahu mengorak langkah ke era digital dan mencapai matlamat menjadikan Malaysia pusat teknologi maklumat (IT) antarabangsa menerusi MSC, maka adalah tidak memadai bagi Malaysia hanya "lebih maju" apabila dibandingkan dengan negara-negara membangun lain dari segi celik komputer tetapi kita juga perlu capai satu tahap setanding dengan negara-negara maju," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Lim berkata hasil kajian mengenai "Komputer Per Kapita" 1995, Laporan Daya Saing Global meletakkan Malaysia di tempat ke-26 manakala Amerika Syarikat, Australia, Kanada, Norway, Finland, New Zealand, Denmark, Belanda, United Kingdom, Ireland dan Singapura menguasai 10 tempat pertama.-- BERNAMA

HS OBA